



KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	BH AHAD			
TARIKH	:	19/9/2021 (AHAD)	MUKA SURAT	:	1 & 8
JABATAN	:	JMG			



28 keluarga dari 19 rumah teres dan banglo di Jalan 7, Kemensah Height di Gombak diarah mengosongkan kediaman mereka selepas berlaku kejadian tanah runtuh malam kelmarin. Runtuhan tanah yang menjejaskan bahagian belakang kawasan perumahan berkenaan dipercayai akibat pergerakan aliran air bawah tanah selepas hujan lebat di kawasan itu. Penduduk mendengar bunyi dentuman bagaikan letupan dalam kejadian yang berlaku kira-kira jam 9.15 malam itu. **Nasional 8** (Foto ihsan penduduk Kemensah Heights)

Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Tenaga dan Sumber Asli
No. Tel. : 03-8000 8000 | Faks : 03-8889 4763 | Web : www.ketsa.gov.my

Kejadian tanah runtuh di Kemensah Heights

Tanah runtuh disangka bunyi letupan

Selain 28 keluarga, 103 lagi penduduk dipindah bimbang kejadian berulang

Oleh Safeek Affendy Razali
safeek@bh.com.my

Ampang Jaya: "Anak lari ketakutan dan beritahu ada pokok dari atas bukit jatuh betul-betul di belakang rumah kami," kata Suhaimi Sulaiman 61, antara penduduk yang terjejas dalam kejadian tanah runtuh di Kemensah Heights, di sini, malam kelmarin.

Katanya, dia yang berada dalam bilik pada waktu itu menyangkakan bunyi letupan dan dentuman didengar pada jam 9.15 malam itu kerana anaknya sedang memasak di dapur.

"Terdengar bunyi seperti benda meletup dan saya sangka anak sedang memasak kerana ketika itu dia berada di dapur.

"Saya tanya dia masak apa,

tetapi tiba-tiba dia berlari ketakutan sambil menjerit memberitahu pokok (dari atas bukit) jatuh betul-betul di belakang rumah, boleh dicapai dengan tangan," katanya ketika ditemui semalam.

Beliau berkata, kawasan itu mengalami hujan lebat, namun sudah berhenti agak lama sebelum runtuh tanah berkenaan.

Seorang lagi penduduk, Zul Hafiz Suhaimi, 27, berkata dia

terdengar bunyi seperti orang menarik meja, disusuli dentuman kuat seperti guruh di belakang rumah.

"Apabila keluar saya lihat pokok buluh dari atas bukit berada betul-betul di tingkap dapur.

"Ketika itu juga saya melihat jiran menjerit ketakutan dan terus berlari keluar dari rumah kerana panik,"

katanya yang mendiami kediaman itu bersama ibu bapa serta adik dan kini menumpang sementara di rumah saudara mereka.



Keadaan kawasan kejadian tanah runtuh di Kemensah Heights, Hulu Klang.

(Foto ihsan penduduk)

Kejadian menyebabkan 28 keluarga yang mendiami 19 rumah teres dua tingkat dan banglo di Jalan 7, Kemensah Heights dipindahkan atas faktor keselamatan.

Sementara itu, 103 penduduk di situ terpaksa dipindahkan susulan kejadian berkenaan.

Ketua Polis Daerah Ampang Jaya, Asisten Komisioner Mohamad Farouk Eshak, berkata mereka dipindahkan sejak malam kejadian untuk keselamatan kerana dikuatiri runtuhan berulang.

"Ketika kejadian, Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) menutup tanah runtuh dengan kanvas terlebih dulu, sebelum sebarang kerja dapat dilakukan.

"Sembilan pegawai dan 39



Sebuah rumah runtuh dalam kejadian di Kemensah Heights, malam kelmarin.

(Foto Fathil Asri/BH)

anggota polis ditempatkan di lokasi kejadian bagi mengawasi pergerakan dan menjamin keselamatan penduduk, selain kita juga tidak membenarkan sebarang pergerakan masuk dari luar kawasan ini," katanya ke-

tika ditemui di lokasi kejadian, semalam.

Sehingga semalam, mereka yang dipindahkan terdiri penduduk 16 unit rumah town house di Jalan Kemensah dan lot banglo di Jalan 7, Kemensah Heights.



Mohamad Farouk Eshak